

Perjuangan menentang rasuah berdepan muslihat AI

Oleh Jais Abd Karim
bhrencana@bh.com.my

Setiap 9 Disember, seluruh dunia memperingati Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA), sebagai simbol perjuangan menentang rasuah di bawah panji deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak 2003.

Negara meraikannya pada Jumaat lalu, bertema 'Rasuah Dihina, Maruah Dibina'. Malaysia mulai menyertainya secara rasmi pada 2010, menjadikan tarikh ini bukan sekadar acara tahunan, tetapi satu momentum membina kesedaran nasional mengenai ancaman dan bahaya korupsi serta nilai sebenar integriti.

Namun, perjalanan Malaysia dalam membina sistem antirasuah berkesan tidak bermula pada 2010. Ia melalui proses panjang dan salah satu titik sejarah paling penting berlaku pada 2008 menerusi Konvensyen Integriti Nasional (KIN).

Konvensyen ini menjadi medan perbincangan kritikal mengenai masa depan institusi pencegahan rasuah negara. Ketika itu, wujud keperluan mendesak untuk memperkukuh Badan Pencegah Rasuah (BPR) daripada sekadar agensi penyiasat kepada sebuah institusi bebas, bermandat luas dan dilengkapi kuasa lebih efektif.

Daripada konvensyen itu, lahirlah transformasi bersejarah, BPR diubah menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2009, di bawah kepimpinan Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Transformasi ini membuktikan Malaysia bukan hanya berwacana mengenai integriti, tetapi berani melaksanakan reformasi institusi secara struktural. Bagi mereka yang menyaksikan detik itu, ia bukan sekadar persidangan, ia lahirnya satu era baharu dalam tadbir urus negara.

Sejak Malaysia mula meraikan HARA secara rasmi, pelbagai tema diperkenalkan yang menonjolkan semangat perjuangan rakyat dan institusi. Antaranya:

- 2019: Bersatu Melawan Korupsi
- 2020: Pemulihan dengan Integriti
- 2021: Hak Anda, Peranan Anda: Katakan Tidak Kepada Korupsi
- 2023: Menyatukan Dunia Menentang Korupsi
- 2024: Bersatu bersama Belia Menentang Korupsi: Membentuk Integriti Esok

Setiap tema memberi gambaran jelas bahawa rasuah tidak boleh diperangi oleh institusi sahaja, tetapi memerlukan penyertaan rakyat, khususnya generasi muda.

Pada tahun ini, Malaysia memilih tema lebih memfokuskan pemeraksanaan penjawat awam iaitu 'Bersama Perkhidmatan Awam MADANI Memerangi Rasuah: Membentuk Integriti Masa Hadapan'.

Tema ini menegaskan hakikat bahawa penjawat awam seramai 1.6 juta orang adalah barisan hadapan integriti negara. Jika integriti dalam perkhidmatan awam goyah, keseluruhan negara terdedah kepada kegagalan institusi.

Menariknya, dalam konteks global, PBB masih mengekalkan tema 2024 untuk tahun ini namun dengan fokus baharu iaitu kecerdasan buatan (AI) dan Rasuah.

Perkembangan teknologi membuka ruang baharu dalam penyiasatan rasuah melalui:

- analitik data berskala besar
- mengenal pasti transaksi mencurigakan,

- pengesanan kepentingan konflik
- pemetaan rangkaian suapan dan ketirisan

Namun AI juga membawa cabaran iaitu teknologi boleh digunakan untuk menyembunyikan jejak rasuah, memanipulasi dokumen, memalsukan data, malah melindungi sindiket melalui enkripsi canggih. Maka negara memerlukan bukan sahaja integriti dalam nilai, tetapi integriti dalam teknologi.

Ketegasan tindakan

Apa yang jelas, rasuah tidak boleh dibasmi melalui poster kempen, slogan atau penjagaan imej semata-mata. Rasuah memerlukan ketegasan tindakan, pemurnian budaya kerja dan ketelusan institusi. HARA harus membentuk tiga kesedaran berikut:

- Integriti sebagai sistem, bukan sekadar sikap individu

Rasuah terjadi apabila sistem membuka peluang, mengakibatkan birokrasi lambat, peraturan long-

gar, penguatkuasaan berpilih, rendah ketelusan dan budaya organisasi yang membenarkan kompromi. Integriti perlu dibina dalam prosedur, bukan hanya dalam moral pekerja.

- Pencegahan lebih murah daripada pemulihan
Setiap ringgit yang hilang akibat rasuah bermaksud kekurangan infrastruktur pada sekolah, hospital, biasiswa dan prasarana awam. Kos memulihkan kepercayaan rakyat jauh lebih mahal daripada mencegah rasuah pada peringkat awal.

- Rakyat bukan pemerhati

Rakyat mesti berani melapor, menolak rasuah kecil, tidak menyokong nepotisme, tidak membeli kesenangan perkhidmatan melalui sogokan. Integriti bermula dengan penolakan daripada rakyat, bukan hanya ketegasan dari agensi.

Membina masa depan integriti Malaysia

Malaysia perlu bergerak kepada integriti dalam bentuk ekosistem, bukan sekadar kempen tahunan. Ekosistem ini harus membabitkan pendidikan integriti sejak sekolah, pelaporan perlindungan saksi dan pemberi maklumat, pengurusan konflik kepentingan secara terbuka, teknologi antirasuah dalam sektor awam dan swasta serta aktivisme masyarakat termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Kita percaya masa depan integriti memerlukan kolaborasi total antara kerajaan, rakyat, teknologi dan pendidikan moral. Integriti ialah pilihan berprinsip untuk menolak kesenangan segera demi maruah jangka panjang.

Ketika kita memperingati HARA pada 9 Disember, jangan sekadar mengingati sejarah perjuangan menentang rasuah. Jadikan ia titik renungan, bahawa setiap individu memiliki kuasa untuk menolak rasuah walau sekecil apa pun.

Rasuah akan terus beranak pinak selagi rakyat memilih bersikap selesa, penjawat awam memilih berkompromi dan selagi institusi gagal memperkukuh sistem dengan ketelusan.

HARA bukan hari perayaan. Ia hari peringatan untuk bangkit melawan. Tindakan itu bermula dengan kita semua, bermula sekarang.

“Transformasi ini membuktikan Malaysia bukan hanya berwacana mengenai integriti, tetapi berani melaksanakan reformasi institusi secara struktural. Bagi mereka yang menyaksikan detik itu, ia bukan sekadar persidangan, ia lahirnya satu era baharu dalam tadbir urus negara”

